

06 November 2023

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Pemberitahuan Awam: MSPO Penilaian Semula Persijilan Untuk Johor Plantations Berhad - Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang, Kota Tinggi, Johor, Malaysia**

Johor Plantations Berhad telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula persijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit</b>						
<b>Nama Kilang</b>		Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang				
<b>Kapasiti Kilang (ton/jam)</b>		45 MT/jam				
<b>Alamat/Lokasi</b>		KM 30, Jalan Jemaluang, Kota Tinggi, 81900 Johor, Malaysia				
<b>Rujukan GPS</b>	<b>Latitude/Garis lintang</b>		002° 01' 04.80" N			
	<b>Longitude/Garis bujur</b>		103° 56' 54.60" E			

<b>Ladang Sawit</b>					
<b>Ladang</b>	<b>Alamat/Lokasi</b>	<b>Rujukan GPS</b>		<b>Kawasan ditanam (Ha)</b>	<b>Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)</b>
		<b>Latitude/Garis lintang</b>	<b>Longitude/Garis bujur</b>		
Ladang Pasir Panjang/ Bukit Payung Division MPOB Lesen No.: 578736002000	PTD 558, HSD 35107, Mukim Kambau, Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia	002° 00' 34.56" N	103° 57' 15.84" E	3,372.08	4,013.63
Ladang Tunjuk Laut MPOB Lesen No.: 619676002000	PTD 36, HSD 7747, Mukim Kambau, Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia	001° 57' 41.40" N	103° 59' 09.24" E	2,657.35	2,867.36
Ladang Siang MPOB Lesen No.: 575783002000	PTD 105763, HSD 354243, Mukim Kambau, Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia	001° 39' 19.41" N	104° 12' 37.63" E	3,204.69	3,443.10
Ladang Bukit Kelompok MPOB Lesen No.: 620166002000	PTD 401, HSD 32182, Mukim Kambau, Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia	002° 00' 24.12" N	103° 59' 54.24" E	2,437.75	2,613.80
Ladang Pasir Logok MPOB Lesen No.: 620145002000	PTD 402, HSD 32183, Mukim Kambau, Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia	002° 01' 53.04" N	104° 02' 20.04" E	1,992.68	2,097.73
<b>Jumlah Luas Ladang</b>				<b>13,664.55</b>	<b>15,044.62</b>

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian semula pensijilan bagi Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang dan ladangnya pada 10 - 14 Disember 2023. Penilaian semula pensijilan ini akan diadakan mengikut standard MS 2530-4:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 4: General Principles for

Palm Oil Mills dan MS 2530-3:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 3: General Principles for Oil Palm Plantations and Organized Smallholders.

Rujukan bagi standard boleh didapati secara talian di <https://www.mpocc.org.my/oil-palm-management-standard>. Penilaian akan merangkumi isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial seperti yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn Bhd diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecermerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan penilaian semula pensijilan ini terdiri daripada:

Nama	Peranan/ Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohamed Hidhir bin Zainal Abidin	Ketua Juruaudit Aspek sosial dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak dan polisi.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia.</li><li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 7 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri kelapa sawit, 5 tahun khusus dalam pengilangan kelapa sawit.</li><li>- Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO dan RSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li><li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, Latihan MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.</li></ul>
Hanafi bin Shufaat @ Mohd	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Memiliki Sarjana Eksekutif Pengurusan Perladangan-Universiti Asean E dan Diploma Pengurusan Industri Perladangan-Universiti Teknologi MARA.</li><li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 17 tahun dalam industri ladang kelapa sawit.</li><li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit (IMS) ISO 9001 &amp; ISO 14001 dan MSPO.</li></ul>
Yusof Khairan Nizar bin Ahmad Tarmizi	Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Memiliki Diploma Pentadbiran Awam - Institut Teknologi MARA, Malaysia (1991), Sijil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan - Institut Insurans Malaysia (2003), Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (Kepujian) - Universiti Teknologi MARA, Malaysia (2003), dan Sarjana Sains Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan - Universiti Utara Malaysia (2011).</li><li>- Pengalaman dalam mengurus, berunding, melatih, dan mengaudit ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 45001:2018, OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2011.</li></ul>

		<ul style="list-style-type: none"><li>- Mempunyai pengalaman lebih 2 tahun dalam pengauditan RSPO dan MSPO.</li><li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&amp;C, MSPO, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.</li></ul>
--	--	--

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- Free, Prior and Informed Consent
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah, Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....

Alamat: .....

Emel: .....

Nombor Telefon: .....

Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengarah  
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan**  
En. Azrul Wan Azizan  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Level 29, The Gardens North Tower  
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

**DAN / ATAU**

**Auditee:**

Pn. Salasah Elias  
Sustainability and Quality Department  
Johor Plantations Berhad  
Ulu Tiram Estate, K.B. 705  
80990 Johor Bahru  
Johor, Malaysia



Inspiring trust for a more resilient world.

Tel : +603 9212 9638 samb. 1039

Faks : +603 9212 9639

Emel : [Azrul.WanAzizan@bsigroup.com](mailto:Azrul.WanAzizan@bsigroup.com)

Tel : +607 8611 611

Faks : -

Emel : [salasah@johorplantations.com](mailto:salasah@johorplantations.com)

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

Azrul Wan Azizan  
Pengarah  
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan

BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Co. Reg 200801003189  
Suite 29.01 Level 29,  
The Gardens North Tower,  
Mid Valley City,  
Lingkaran Syed Putra,  
59200 Kuala Lumpur

T: +6 03 9212 9638  
F: +6 03 9212 9639  
[info.malaysia@bsigroup.com](mailto:info.malaysia@bsigroup.com)  
[bsigroup.com/en-MY](http://bsigroup.com/en-MY)



SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS